

Kanser Kulit

Tidak ramai di Malaysia yang sedar tentang kepentingan untuk melindungi kulit daripada cahaya matahari (UV) untuk mencegah daripada kanser kulit. Walaupun kanser kulit lebih banyak dilaporkan di negara seperti Australia, kanser kulit juga boleh berlaku di Malaysia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bahawa kes kanser kulit *non-melanoma* dan *melanoma* telah meningkat sejak beberapa dekad yang lalu. Pada masa ini, di antara 2-3 juta kes *non-melanoma* dan 132,000 kes *melanoma* telah dilaporkan di seluruh dunia setiap tahun. Lapisan ozon yang semakin menipis menyebabkan lebih banyak cahaya UV sampai ke permukaan bumi dan ini boleh meningkatkan risiko kanser kulit. Oleh itu, langkah-langkah tertentu perlu diambil oleh individu untuk mengurangkan risiko kanser kulit.

Adakah kanser kulit kerap berlaku di Malaysia?

Walaupun kanser kulit lebih kerap berlaku pada individu yang berkulit cerah, ia juga boleh terjadi kepada mereka yang berkulit gelap. Menurut Laporan Daftar Kanser di Malaysia (3rd Annual Report of National Cancer Registry 2003-2005), kanser kulit adalah kanser yang ke-sepuluh paling kerap berlaku di Malaysia, dan menyumbang kepada 2.6% semua kes kanser di Malaysia.

Data dari Klinik Dermatologi, Hospital Kuala Lumpur (2006-2014) menunjukkan bahawa *basal cell carcinoma* adalah kanser kulit yang paling kerap berlaku (34.9%), diikuti dengan *cutaneous lymphoma* (25.7%) dan *squamous cell carcinoma* (20.6%). Kes *melanoma* tidak begitu banyak, dan hanya menyumbang kepada 5.4% semua kes kanser kulit di Klinik Dermatologi, Hospital Kuala Lumpur.

Apakah jenis-jenis kanser kulit?

Terdapat dua jenis kanser kulit yang utama:

1. *Non-melanoma skin cancer (Basal cell carcinoma dan squamous cell carcinoma)*
2. *Malignant Melanoma*

Jenis-jenis kanser kulit yang lain adalah:

1. *Cutaneous lymphoma*
2. *Extra-mammary Paget's disease*
3. *Merkel cell carcinoma*
4. *Kaposi sarcoma*
5. *Lain-lain*

Artikel ini akan membincangkan tentang dua jenis kanser kulit yang utama, iaitu kanser kulit *non-melanoma* dan *Malignant melanoma*.

Apakah risiko untuk mendapat kanser kulit?

Anda berisiko tinggi untuk mendapat kanser kulit jika anda mempunyai mana-mana faktor berikut:

1. Berkulit cerah

Kanser kulit lebih kerap terjadi kepada individu yang berkulit cerah. Mereka mempunyai jumlah melanin (pigmen kulit) yang kurang. Ini menyebabkan mereka mendapat kurang perlindungan daripada sinaran UV yang memudaratkan dan boleh menyebabkan kanser kulit.

2. Terdedah kepada cahaya matahari secara berlebihan

Golongan yang banyak menghabiskan masa di bawah cahaya matahari (contohnya nelayan, petani, pekerja di tapak pembinaan, dan sebagainya) adalah lebih berisiko untuk mendapat kanser kulit, lebih-lebih lagi jika mereka tidak menggunakan pelindung suria. Sesiapa yang pernah mengalami kulit terbakar akibat sinar matahari semasa kanak-kanak atau remaja juga berisiko untuk mendapat kanser kulit semasa dewasa.

3. Banyak tahi lalat

Orang yang mempunyai banyak tahi lalat atau tahi lalat luarbiasa yang dipanggil *dysplastic naevi* juga mempunyai risiko kanser kulit.

4. Mempunyai penyakit kulit pra-kanser seperti *actinic keratosis*

Actinic keratosis sering terjadi di kawasan muka, kepala dan tangan mereka yang berkulit cerah dan sering terdedah kepada cahaya matahari. Ia berupa tompok-tompok coklat, kasar dan bersisik.

5. Pernah meghidap kanser kulit

Jika anda pernah menghidap kanser kulit, anda mempunyai risiko tinggi untuk mendapatnya sekali lagi.

6. Sejarah kanser kulit di dalam keluarga

Jika ada di antara ahli keluarga anda yang pernah menghidap kanser kulit, kebarangkalian untuk anda mendapatnya juga adalah tinggi.

7. Penyakit genetik tertentu seperti *xeroderma pigmentosum*

Pesakit yang menghidap penyakit genetik seperti *xeroderma pigmentosum* tidak berupaya untuk memperbaiki sel-sel kulit yang rosak disebabkan pancaran matahari. Sel-sel ini berisiko untuk bertukar kepada kanser kulit.

8. Sistem imun yang lemah

Pesakit yang menghidap penyakit HIV / AIDS atau mereka yang mengambil ubat jenis *immunosuppressant* selepas pemindahan organ mempunyai sistem imun yang lemah. Mereka juga berisiko untuk mendapat kanser kulit.

9. Terdedah kepada radiasi

Jika anda pernah menerima rawatan radiasi atau terdedah kepada radiasi secara berlebihan, anda berisiko untuk mendapat kanser kulit, terutama *basal cell carcinoma*

10. Keracunan arsenic

Mereka yang mempunyai tahap arsenic yang tinggi dalam tubuh juga mempunyai risiko yang tinggi untuk mendapat kanser kulit.

Bagaimanakah rupa kanser kulit?

Basal cell carcinoma biasanya terjadi di kawasan yang terdedah kepada cahaya matahari seperti di kawasan muka, telinga dan tangan. Ia selalunya dapat dikenali dan kelihatan seperti ketumbuhan kecil, di mana permukaan tengahnya boleh menjadi ulcer

Squamous cell carcinoma juga terjadi di kawasan-kawasan yang terdedah kepada cahaya matahari. Individu yang berkulit gelap juga boleh mendapat kanser ini di kawasan yang tidak terdedah kepada cahaya matahari.

Ia selalunya dapat dikenali dan kelihatan seperti:

- Tompok merah dengan permukaan yang sedikit bersisik
- Ulcer/luka yang mengambil masa yang terlampau lama untuk sembuh

Melanoma boleh terjadi di mana-mana bahagian badan, samaada di kulit yang normal atau tahi lalat yang bertukar menjadi kanser. Ia lebih kerap berlaku di kalangan mereka yang berkulit cerah. Bagi orang Asia, atau mereka yang berkulit gelap, melanoma sering terjadi di kawasan tangan, tapak kaki, atau di bawah kuku.

Ciri-ciri **ABCDE** ini sering digunakan oleh doktor untuk mengenalpasti *melanoma*:

A - *Asymmetrical* (tidak simetri)

B - *Border irregular* (sisi tidak sama)

C - *Colour variegation* (warna lebih daripada satu, contoh coklat muda, coklat tua dan hitam)

D - *Diameter* lebih besar daripada 6mm

E - *Elevation and evolution* (tahi lalat berubah saiz dan warna)

Bagaimanakah doktor mendiagnos kanser kulit?

Doktor akan membuat pemeriksaan yang lengkap dan mengesyorkan supaya biopsi kulit dilakukan. Sedikit sampel kulit akan dipotong dan diperiksa menggunakan mikroskop.

Bolehkah kanser kulit dirawat?

Kanser kulit boleh dirawat dan jenis dan cara rawatan bergantung kepada jenis kanser, saiz dan tahap kanser tersebut.

Rawatan-rawatan untuk kanser kulit adalah seperti berikut:

1. *Cryotherapy*

Kaedah ini boleh digunakan untuk merawat *actinic keratosis* atau kanser kulit yang kecil, di mana cecair nitrogen digunakan

2. *Curretage and electrosurgery*

Sel-sel kanser dikikis menggunakan pisau dan mana-mana sel-sel kanser yang masih tertinggal dimusnahkan menggunakan *probe* elektrik.

3. Pembedahan

Kanser kulit akan dipotong setelah ubat bius setempat diberi. Dalam sesetengah kes, kulit normal di sekitar kanser perlu dibuang lebih banyak (*wide local excision*)

4. Pembedahan Mohs

Prosedur ini boleh digunakan di kawasan di mana adalah perlu untuk mengekalkan kulit normal sebanyak mungkin, seperti pada muka dan kawasan hidung, atau untuk kanser yang lebih besar dan berulang.

Semasa pembedahan Mohs, doktor akan membuang kanser kulit sedikit demi sedikit dan memeriksa di bawah mikroskop sehingga semua sel-sel kanser telah habis dibuang. Kaedah ini bagaimanapun, tidak terdapat di Malaysia.

5. Radioterapi

Radioterapi juga boleh digunakan untuk membunuh sel-sel kanser. Kaedah ini boleh digunakan jika pesakit tidak boleh menjalani pembedahan atau jika kanser tersebut terlalu besar.

6. Krim 5-fluorourasil

Krim ini boleh digunakan untuk merawat *actinic keratosis*.

7. Krim 5% Imiquimod

Krim ini juga boleh digunakan untuk merawat *actinic keratosis* dan basal cell carcinoma yang kecil.

8. Terapi *photodynamic*

Rawatan ini memusnahkan sel-sel kanser kulit dengan kombinasi cahaya laser dan krim (asid aminolavulenic). Kaedah ini bagaimanapun, tidak terdapat di Malaysia.

Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mencegah dari mendapat kanser kulit?

Anda boleh mengurangkan risiko untuk mendapat kanser kulit dengan mengamalkan langkah-langkah berikut:


1. Elakkan daripada terdedah kepada cahaya matahari yang keterlaluan
2. Gunakan krim pelindung suria
3. Gunakan pakaian yang dapat melindungi daripada cahaya matahari yang terik
4. Periksa kulit anda secara berkala dan laporkan apa-apa perubahan kepada doktor anda.

Adakah saya perlu risau jika mempunyai ketumbuhan di kulit?

Jika anda mempunyai ketumbuhan di kulit dengan ciri-ciri seperti di atas, aturkan temujanji untuk berjumpa doktor kulit. Tidak semua ketumbuhan di kulit disebabkan oleh kanser kulit. Doktor anda akan melakukan siasatan lanjut untuk menentukan diagnosis yang tepat (<http://www.dermatology.org.my/dermatologist.htm>).



Basal cell carcinoma



Squamous cell carcinoma



Melanoma



Disediakan oleh,

Dr Azura Mohd Affandi

Pakar Perunding Dermatologi

Jabatan Dermatologi, Hospital Kuala Lumpur

Ahli Persatuan Dermatologi Malaysia

Subkepakaran dalam bidang dermato-oncology (Westmead Hospital, Sydney, Australia)

Maklumat kesihatan di atas diterbitkan ihsan Persatuan Dermatologi Malaysia

(<http://www.dermatology.org.my/>)